

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 3 RABU 17HB. JANUARI, 1973. 1392 رابو 13 ذوالحجه PERCHUMA



PERATORAN2 BARU UTK DAPATKAN TAMBANG TUNAIKAN FARDHU HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kakitangan2 kerajaan serta pegawai2 dan saldu2 Askar Melayu Diraja Brunei yang beragama Islam yang memegang jawatan tetap apabila di-benarkan berchuti untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah akan di-korbankan tambang pergi dan balek ka-Madinah melalui Jeddah tidak lebih dari \$2,100.00 bagi tiap2 sa-orang.

Pengorbiaan tambang untuk menunaikan fardhu haji ini di-bekikan hanya sekali sahaja sepanjang perkhidmatan mereka.

Peratoran2 baru ini ada-lah terkandung dalam surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang di-terbitkan baru2 ini dan berjalan kuat-kuasanya mulai 1hb. Januari, 1973.

Menurut surat keliling itu pengorbiaan tambang tersebut akan di-beri keutamaan kepada pemohon2 yang mengetahui ajaran2 Uagama, yang benar2 di-fikirkan suka belajar Uagama, yang gemar di-masa lapang-nya untuk masuk sekolah dewasa dan pegawai2 kerajaan kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berkhidmat dengan rajin dan kerana Allah.

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat dengan kerajaan terus menerus sa-lama tidak kurang dari 15 tahun. Pengorbiaan ini ialah untuk diri-nya sendiri dan juga untuk isteri, jika suami-nya yang bekerja; atau suami, jika isteri-nya yang bekerja.

Tiap2 pemohon mesti-lah belum pernah menunaikan fardhu haji dengan perbelanjaan kerajaan. Tetapi mereka yang berkesempatan menunaikan fardhu haji selama menjalankan tugas ada-lah berhak mendapat pengorbiaan ini dengan syarat mereka itu berkhidmat terus menerus dengan ta'at setia dengan kerajaan sa-lama tidak kurang dari 15 tahun.

Jumlah pengorbiaan tambang tersebut pada tiap2 tahun tidak akan lebih dari 60 pengorbiaan, melainkan dengan khas-nya di-benarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesuarat.

Pemohonan2 dari pegawai2 yang telah bersara hendak-lah membuat permohonan mereka dalam tempoh tiga tahun dari tarikh persaraan-nya.

Tiap2 pegawai kerajaan menerima pengorbiaan tambang haji ini hendak-lah menguruskan pemergian mereka menurut peratoran2 yang di-tetapkan oleh Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei.

Surat keliling itu juga menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei boleh mengorbiaikan 20 pengorbiaan atau sa-besapa banyak pengorbiaan yang di-titahka oleh Baginda kepada sesiapa yang Baginda sukai.

Penuntut2 di-seru bergiat dalam lapangan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohamed telah menyeru kepada semua penuntut2 di-sekolah2 Menengah di-negeri ini supaya bergiat di-lapangan pelajaran sama ada di-sekolah mahupun di-luar sekolah agar mereka boleh mengambil peranan penting dalam penyertaan ekonomi dan sosial negara.

Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu itu telah membuat seruan demikian dalam kata2 aluan majalah tahunan 'WISATA' 1972 yang di-terbitkan oleh penuntut2 dengan kerjasama guru2 Sekolah Menengah Melayu di-Bandar Seri Begawan.

Awang Abdul Razak berkata, negara kita ada-lah dalam zaman pembangunan di-bidang ekonomi, sosial dan pelajaran. Pembinaan infrastruktur fizikal seperti pelabuhan ayer dalam Muara, dan lapangan terbang antara Bangsa akan meluaskan lagi asas bagi per-

kembangan2 itu yang menghendaki penyertaan berdikari, berdisiplin, berinisiatif dan berkebolehan serta bertanggung-jawab.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyedari akan kepentingan2 tersebut dan berjuta2 ringgit telah di-leburkan dalam bidang pelajaran am dan teknikal bagi membentok penduduk yang mempunyai daya pengelutangan tinggi sesuai bagi perkembangan itu.

Pengetua Sekolah Menengah Melayu SMJA, Awang Mohamed Yassin bin Haji Ahmad dalam kata2 aluan-nya dalam majalah tersebut telah menyentuh mengenai perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Beliau berkata, Kerajaan telah memberikan kemudahan2 pelajaran dengan perchuma dari peringkat sekolah rendah hingga ka-peringkat tinggi.

Dengan demikian kata-nya, akan banyak-lah rayat negeri ini mempunyai pelajaran yang boleh menghasilkan banyak tenaga ahli yang berkemahiran supaya pembangunan negeri ini sa-jajar dengan negara2 yang telah maju di-dunia.

Beliau juga mengharapakan semua golongan ibu bapa dan cherdek pandai di-negeri ini akan dapat membantu penuntut2 memberikan sukongan moral supaya penuntut2 itu dapat menanamkan chita2 dan semangat rajin belajar dan berusaha bagi menuju ka-matamat yang di-chita2kan itu.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei beserta Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berangkat ka-Singapura untuk lawatan private sa-lama empat hari ka-republik itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ka-Singapura pada hari Khamis, 11hb. Januari dan berangkat pulang pada hari Ahad 14hb. Januari.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Zariah.

Gambar atas kelihatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan di-ikui oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan ketika menaiki kapal terbang Sharikat Penerbangan Singapura sa-jurus sa-belum bertolak ka-Singapura pada hari Khamis lepas.

1646 di-daftar dalam tempoh 9 bulan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kenderaan Darat Brunei telah mendaftarkan sa-banyak 1646 buah kenderaan dalam tempoh 9 bulan dari bulan Januari hingga bulan September tahun 1972. Jumlah ini termasuk 241 buah jenis lama yang di-bawa masuk dari luar negeri.

Sa-banyak 1030 buah kenderaan itu di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat Bandar Seri Begawan dan sa-banyak 616 buah lagi di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat Kuala Belait.

Kebanyakan kenderaan2 itu di-bawa masuk dari Negeri Jepon, United Kingdom, Amerika Sharikat, Australia dan yang lain-nya dari Jerman dan Itali.

Angka pendaftaran rasmi seluruh negeri dari bulan Oktober hingga bulan Disember tahun 1972 akan di-keluarkan oleh Jabatan Kenderaan Darat tidak berapa lama lagi.

Jadual pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan akan di-jalankan di-seluruh negeri.

Sa-bagai memulakan kerja2 pemereksaan itu, Merinyu Sukatan dan Timbang akan memereksa alat2 tersebut di-Bandar Seri Begawan mulai 2hb. Januari hingga 28hb. Februari.

Pada 1hb. Mach, rombongan pemereksa itu akan berada di-Pekan Muara untuk memereksa alat2 sukatan dan timbangan di-kawasan sekitar-nya.

Rombongan tersebut akan kembali ka-Bandar Seri Begawan pada 3hb. Mach untuk meneruskan kerja mereka hingga 10hb. Mach.

Pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan di-Pulau Baru dan Berbunat akan di-jalankan pada 12hb. Mach.

Jadual penoh lawatan Merinyu Sukatan dan Timbangan ada-lah saperti berikut:

- Bandar Seri Begawan — 2hb. Januari — 28hb. Februari.
- Muara, Serasa dan Batu Marang 1hb. Mach.
- Bandar Seri Begawan — 3hb. Mach — 10hb. Mach.
- Baru-Baru dan Berbunat — 12hb. Mach.
- Bandar Seri Begawan — 13hb. Mach — 17hb. Mach.
- *Bukit Puan dan Kawasan Labi — 19hb. Mach — 24hb. Mach.
- *Kuala Belait (Di-Pejabat Bandar-an di-Bangunan Dewan Kemasharakatan) — 26hb. Mach — 7hb. April.
- *Seria (di-Bilek Bacha-an, Seria) — 9hb. April — 26hb. April.
- Bandar Seri Begawan — 28hb. April — 5hb. Mei.
- *Sengkunong — 7hb. Mei.
- *Tutong, Penanjong, Telisai dan Danau — 8hb. Mei — 13hb. Mei.
- *Tunggulian dan Sungai Liang — 14hb. Mei.
- Bandar Seri Begawan — 15hb. Mei — 19hb. Mei.
- *Bangar, Temburong Lama, Biang Estate, Pendaruan, Batu Apoi dan Labu Estate — 21hb. Mei — 26hb. Mei.
- Bandar Seri Begawan — 28hb. Mei dan sa-terus-nya.

*Terta'alok kepada perubahan.

Ada-lah di-ingatkan bahawa pendudok2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan dari Kampong Serasa dan Batu Marang hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Pekan Muara saperti yang di-tetapkan.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan dari Kampong Bukit Puan, dalam kawasan Labi, Kampong2 Tanajor, Ratan, Rampayoh, Tanipol, Kampul, Gatas, Tarawan, Simpang dan Telepok Labi hendak-lah membawa perkakas mereka ka-Balai Raya Labi.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan di-Kampong Bukit Sawat, Pengkalan Siong, Sukang dan Kuala Balai hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Dewan Masharakatan, Kuala Belait.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan di-seluruh Daerah Tutong termasuk Kampong2 Telisai dan Danau hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Tutong.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan di-

Daerah Temburong dari Kampong2 Temburong Lama, Biang Estate, Pendaruan, Puni, Belaban, Batu Apoi, Labu Estate dan lain2-nya hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Bilek Bacha-an, Temburong.

Tuan2 punya sukatan dan timbangan juga di-beri amaran bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan menggunakan atau menyimpan bagi penggunaan perdagangan sabarang perkakas sukatan atau alat perkakas menimbang yang tidak di-chap sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam bab 12(2) Undang2 Sukatan dan Timbangan (Penggai 69).

Mereka yang melanggar undang2 itu boleh di-kenakan denda sa-banyak \$25.00 bagi kesalahan pertama dan \$50.00 bagi kesalahan kedua dan alat2 mereka akan di-rampas.

Chalun2 yang gagal boleh memasoki kelas2 petang

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes telah mengingatkan chalun2 yang gagal bagi kedua kali-nya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Melayu atau Inggeris bahawa mereka boleh memasoki kelas2 petang bagi orang2 dewasa yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa dan mengambil peperiksaan tersebut pada penghujung tahun ini sa-bagai chalun2 persendirian.

Dato MacInnes berharap supaya pelajar2 itu akan belajar lebih kuat lagi untuk lulus dalam peperiksaan itu.

Dato MacInnes menyatakan bahawa sa-ramai 524 orang chalun telah lulus peperiksaan tersebut dalam aliran Inggeris dan 253 orang telah lulus dalam aliran Melayu dalam peperiksaan yang di-adakan pada tahun lalu.

Sa-ramai 55 orang chalun persendirian juga telah lulus dalam peperiksaan tersebut.

Semua chalun2 sekolah yang

mendapat pangkat A, pangkat B dan pangkat C aliran Melayu atau Inggeris, jika mereka ingin meneruskan persekolahan, akan di-naikkan ka-Tingkatan Empat.

Semua chalun2 sekolah yang mengambil peperiksaan tersebut bagi pertama kali-nya dalam tahun 1972 dan gagal akan belajar sekali lagi di-Tingkatan Tiga bagi tahun ini.

Semua chalun2 sekolah yang mengambil peperiksaan itu bagi kedua kali-nya dan gagal akan di-naikkan ka-Tingkatan Empat jika mereka lulus dalam sekurang2-nya lima mata pelajaran dan mendapat kepujian dalam salah satu daripadanya. Salah satu dari 5 mata pelajaran itu mesti-lah bahasa aliran peperiksaan yang di-amal.

Harga baru wang Pos British

Berikut ini ia-lah harga2 wang Pos British yang di-jual di-Ibu Pejabat Pos mulai 11hb. Januari, 1973.

a)	Jenis	Harga Pokok	Harga di-jual	Komisen2-nya
	£ p	\$ ¢	\$ ¢	\$ ¢
	.05	.50	.60	.10
	.10	.83	.90	.07
	.15	1.15	1.25	.10
	.20	1.49	1.60	.11
	.25	1.82	1.90	.08
	.50	3.47	3.55	.08
	1.00	6.77	6.95	.18
	2.00	13.53	13.75	.22
	5.00	33.33	33.80	.47
b)	Jenis	Harga Pertukaran	Jenis	Harga Pertukaran
	£ p	\$ ¢	£ p	\$ ¢
	.05	.31	.85	5.39
	.07½	.47	.90	5.71
	.10	.63	.95	6.03
	.12½	.79	1.00	6.35
	.15	.95	2.00	12.70
	.17½	1.11	3.00	19.05
	.20	1.27	4.00	25.40
	.22½	1.42	5.00	31.75
	.25	1.58		
	.30	1.90		
	.35	2.22		
	.40	2.54		
	.45	2.85		
	.50	3.17		
	.55	3.49		
	.60	3.81		
	.65	4.12		
	.70	4.44		
	.75	4.76		
	.80	5.08		
c)	Nilai setem Pos British yang di-lekatkan pada Wang Pos boleh-lah di-tukar saperti berikut:-			
	½p — 3 sen		3p — 19 sen	
	1p — 6 sen		3½p — 22 sen	
	1½p — 9 sen		4p — 25 sen	
	2p — 12 sen		4½p — 28 sen	
	2½p — 15 sen			

Wang Pos Republik Irish

Jenis	Harga Pertukaran
£ p	\$ ¢
1.25	7.93
1.50	9.52
6.00	38.10
7.00	44.45
8.00	50.80
9.00	57.15
10.00	63.50

UMAT yang berhak mencapai darjat kemuliaan dan ketinggian, kukuh, bersatu dan makmur ia-itu umat yang tahu bagaimana mengawal dan memelihara negeri-nya, menyusun dan merancang asas2 tamadun kemajuan nya, mengorek dan menyelongkar tanah bagi mengeluarkan perbendaharaan bumi dan kekayaan-nya, bekerja dan berusaha dengan tekun dan bersungguh2, berchuchok tanam, bertukang, berniaga, menebang hutan, menjadi buroh, menjadi nelayan, memegang jawatan2, belajar segala ilmu pengetahuan dan mengerjakan-nya, bersatu dan bekerjasama mengadakan sharikat2 perniagaan, kilang2, membangukan sekolah2, rumah miskin, menjaga negeri, bangsa dan ugama.

Umat yang tekun dan bersungguh2 menggunakan fikiran, ilmu pengetahuan dan tenaga-nya, berusaha dan bekerja, perchaya kepada bangsa-nya, berpegang kepada hasil mahsul negeri-nya, mencheborkan diri, mengerjakan-nya tiap2 bidang mata pencharian tanpa membezakan antara satu pekerjaan dengan pekerjaan yang lain, maka sudah tentu akan kukuhlah umat itu, akan kuat dan tinggi-lah martabat-nya, akan berpengaruh-lah dia di-sisi umat2 lain.

Tetapi umat2 yang malas, yang lengah dan lalai, tiada mempunyai kesedaran tentang nyawa kehidupannya di dalam bidang ekonomi, bahkan ashek berpoya2 dan menunjuk lagak, bergantung kepada belas ehsan orang tua dan saudara mara, tiada hiraukan perusahaan, tiada bekerja dengan sungguh2 dan tiada memikirkan masa akan datang, maka sudah tentu umat itu hina, lemah hidup-nya, dan bergantung kepada ehsan umat2 lain. Dari sebab itu ke-

UNTOK MENCHAPAI DARJAT KEMULIAAN DAN KETINGGIAN KITA PERLU BERUSAHA BERSUNGGOH2



KHUTBAH JUMA'AT

perluan2-nya terikat dan bergantung kepada umat2 lain hingga umat lain memandang rendah kepada-nya. Gambaran2 ini ada kita dapati menerusi lambaran2 sejarah dunia dan umat2 yang dahulu.

Orang2 Arab dan sahabat2 Rasulullah kebanyakan mereka itu menjadi saudagar, berniaga ka-negeri Yaman pada musim sejok dan ka-ne-

geri Sham pada musim panas. Di-dalam Quran ada tersebut Nabi Noh Allai-wassalam menjadi tukang kayu, Nabi Daud Allai-wasalam menjadi tukang besi, kemudian Rasulullah s.a.w. berniaga ka-negeri Sham, Rasulullah s.a.w. menampal kain baju dan kasut Baginda sendiri, Baginda telah bersabda yang bermaksud:

"Sa-baik2 pencharian, pencharian sa-orang tukang apabila ia menyempurnakan kerjanya dengan betul".

Pada hari ini ada-lah zaman kemajuan sains dan teknologi, kemajuan dalam perkakas jentera dan mesin, radio dan elektronik dan berbagai2 kemudahan lain-nya yang di-gunakan untuk kemudahan dan kesenangan di-dalam rumah2, perhubungan, pertukangan, perniagaan, pertanian, perusahaan dan lain2 yang di-gunakan oleh umat2 yang maju untuk mempercheat dan memperluaskan gerakan ekonomi mereka di-dalam dan di-luar negeri, semua-nya ini menghendaki kita memperchayai kesedaran yang penuh tentang perlu-nya kita menurut kehendak masa dan peradaran dunia berpandukan shari'at Islam. Kelalaian dan kelengahan bangsa kita dalam soal ini sudah tentu tidak akan

membawa kita ka-mana2 bahkan sudah tentu tidak akan dapat mencapai dengan sempurna-nya tujuan untuk membina suatu masyarakat yang kukuh serta bersatu padu dan makmur sa-bagaimana yang di-hasratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sa-bagaimana yang di-titahkan.

Sa-bagaimana yang pernah di-sentuh oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei di-dalam ucapan-nya di-Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 baru2 ini bahawa pada menjunjung titah tersebut banyak pokok2 masalah yang perlu di-fikirkan, perlu di-bincangkan, perlu di-bahaskan, bukan saja oleh belia2 bahkan oleh raayat dan penduduk negeri ini.

Oleh yang demikian pada menuju ka-arrah membina suatu masyarakat yang kukuh, serta bersatu-padu makmur mari-lah kita memikirkan dan mengorak langkah bersama2 bergandeng bahu dengan kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam memberi sumbangan yang berfaedah, dan berkesan untuk menchapai tujuan2 tersebut. Mudah2an Tuhan akan sentiasa membarkati usaha2 kita.

124 gulung kawat berduri di-bahagi kepada peladang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian pada tahun lalu telah membahagikan 124 gulung kawat berduri bagi penggunaan peladang2 di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, 94 gulung daripada-nya di-berikan di-Daerah Brunei-Muara. 20 di-Daerah Tutong dan 10 gulung di-Daerah Temburong.

Peladang2 itu di-kenakan bayaran sa-paroh dari harga asal ia-itu \$14.00 sa-gulung bagi kawat berduri yang panjang-nya 500 ela.

Tafsir Darus-salam siri ke-15

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-15 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (144) hingga (159) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Penjaja derma \$200.00 untok Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatan Kua-sa Tertinggi Tabung Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping chek bernilai \$200.00 dari Dayang Hajjah Nor-niah binte Miron, sa-orang penjaja di-Bandar Seri Begawan, untok tabung Pembinaan Stadium.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja menguchapkan terima kasih kepada Dayang Hajjah Nor-niah kerana sumbangan-nya yang berharga itu.

Beliau berharap supaya banyak lagi orang2 yang akan mengikut langkah yang di-tunjokkan oleh Dayang Hajjah Nor-niah dan mereka yang telah menderma kepada Tabung Pembinaan Stadium itu.

Chalun2 untok Ketua Kg. Serasa

MUARA. — Penduduk2 di-Kampung Serasa, Muara telah memilih tiga orang chalun bagi jawatan sa-bagai Ketua Kampung baru di-kawasan itu.

Mereka yang di-pilih ia-lah Awang Batang bin Orang Kaya Bandar Mohammad Dayang, Awang Haji Tinggal bin Tersad dan Awang Zakaria bin Orang Kaya Bandar Mohammad Dayang.

Pemilihan itu telah di-pegnerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan di-saksikan oleh penolong Pegawai Daerah, Awang Yunus bin Haji Hussain dan pegawai pentadbir Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu.




Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 23hb. Januari, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17hb. Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
18hb. Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
19hb. Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
20hb. Jan.		12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
21hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
22hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
23hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(SAMBONGAN MINGGU LALU)

BILA kita membicarakan soal membaca, bilek bacaahan dan perpustakaan juga turut memainkan peranan penting, kerana dari kedua2 tempat ini-lah kita memperoleh kemudahan membaca. Kalau di-lihat sekali imbas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa mengadakan bilek bacaahan dan perpustakaan ada-lah membazir dan tidak menguntungkan. Projek mendirikan bilek bacaahan dan perpustakaan menghendaki perbelanjaan yang besar dan tidak dapat menulung menambahkan pendapatan raayat. Bagaimana pun, kalau di-tinjau dari segi lain, perkembangan perpustakaan dan bilek bacaahan juga memenuhi maksud pembangunan kerana dengan adanya perpustakaan dan bilek bacaahan akan dapat menolung pembentukan fikiran yang sehat dengan menyediakan bahan2 bacaan.

Sa-lain dari itu, perpustakaan dan bilek bacaan juga memberikan kemudahan tempat belajar yang tenteram. Ini amat berguna bagi pelajar2 yang tidak dapat belajar dengan tenteram di-rumah oleh sebab2 ada-nya gangguan seperti radio, television, kanak2 dan lain lagi atau kalau tidak ada meja tulis pelajar2 boleh berkunjung ke-perpustakaan dan bilek2 bacaan dan masalah ini boleh di-atasi

dengan menggunakan kemudahan2 yang terdapat di-sana.

Di-negeri kita Brunei, keinginan atau minat membaca sudah mula menular terutama sekali di kalangan belia. Ini mungkin disebabkan oleh bertambahnya bilangan orang2 yang sudah boleh membaca dan menulis malah kelas2 dewasa. Di samping itu pelajar2 perengkat menengah juga semakin bertambah pada tiap2 tahun. Bilangan buku2, majalah2, risalah2 dan surat2 khabar dalam berbagai bahasa semakin banyak dijual di kedai2 atau boleh di-baca di-bilik2, halaman dan perputakaan.

Di-negeri kita ini juga, kemudahan2 tempat membaca ada disediakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia. Dalam usaha menggalakkan dan memudahkan orang ramai membaca Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah pun mengadakan bilek2 bacaan orang ramai di-tiap2 daerah di-negeri ini melalui Jabatan Penyarangan dan Penerangan. Perpustakaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Tempat2 ini biasa-nya dikunjungi oleh pembaca2 dari berbagai bangsa terutama sekali selepas waktu bekerja. Bilek bacaan Jabatan Penyarangan dan Penerangan sesuai dengan peranan-nya sa-bagai alat perantaraan Kerajaan untuk

memberikan penerangan kepada orang ramai, menyediakan majalah2 dan surat2 khabar dalam bahasa Melayu, Inggeris dan China. Bilek2 bacaan ini di-buka pada tiap2 hari kecuali hari2 Ahad dan Jumaat dan di-hari2 kelepasan awam. Bilek Bacaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-buka dari jam 7.30 pagi sa-hingga 12.15 tengah-hari dan dari 1.15 petang sa-hingga 5.00 petang.

bagi pelajar2 yang mencari bahan2 untuk rujukan akan mengunjongi perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana perpustakaan ini tidak hanya menyediakan majalah2 dan surat2 kinaor tetapi juga menyediakan buku2 rujukan yang amat berguna kepada pelajar2 knusus-nya dan orang ramai lainnya. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-bahagikan kepada dua bahagian -- untuk orang2 dewasa dan kanak2. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dibuka pada tap2 hari kecuali hari Jumaat dan hari2 kelepasan awam. Dari hari Isnin hingga Sabtu perpustakaan di-buka untuk orang ramai dari jam 8.00 pagi sa-hingga 8.00 malam manakala pada hari Ahad pula di-buka dari jam 9.00 pagi sa-hingga 8.00 malam. D.B.P. juga telah membuka bilek bacaan rujukan di-bangunan Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan. Tempat ini menjalankan perkhidmatan hanya pada waktu2 pejabat di-buka dari jam 8.30 pagi sa-hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang sa-hingga 4.00 petang. Dalam tahun 1972 sahaja samai 83,137 orang dewasa dan kanak2 telah mengunjongi Perpustakaan D.B.P. ini.

Perkhidmatan Perpustakaan tidak hanya terhad di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi perpustakaan bergerak juga diadakan untuk melawat kampung2 dan daerah2 lain di-negeri ini bagi memudahkan penduduk2 luar bandar membaca. Dengan cara ini kemudahan membaca tidak hanya di-nikmati oleh sa-bilangan kecil rakyat di-negeri ini. Tempat2 yang biasa di-lawati oleh perpustakaan bergerak ini ialah Muara, Kampung Perpidahan, Sengkurong, Tutong, Seria dan Belait. Pengarah D.B.P. mengatakan sa-tengah2 tempat yang di-lawati telah memberikan sambutan yang baik dan ada juga yang kurang memberikan sambutan.

Bila di-tanya ada-kaah D.B.P. berchadang menambah perkhidmatan perpustakaan bergerak ini, beliau mengatakan perkara ini sedang dalam kajian. Ini bukan saja mengkaji keadaan dan sambutan penduduk tempat2 yang di-lawati tetapi juga soal melateh pegawai2 dan kaki-tangan untuk menjalankan perkhidmatan itu. Latehan2 ini termasuk-lah chara2 mengendalikn perpustakaan dan lain kerana satu2 perkhidmatan itu terletak kepada kecekapan pegawai2 yang telah di-tuaskan untuk menjaykkan perpustakaan bergerak itu. Dan tempat2 yang di-lawati pada masa ini di-anggap sa-bagai percubaan atau tempat meneroka. Jika hasil percubaan ini berjaya maka ada kemungkinan perpustakaan bergerak akan di-perkembangkan keseluruh negeri dengan harapan moga2 pengetahuan dan minat membacah akan tersebar luas keseluruh negeri.

Di samping Bilek Bachan dan Perputakaan D.B.P., Kerajaan Duli Yang Maha Mulia juga mengadakan kemudahan tempat membaca di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Bilek Bachan ini di-buka dari jam 2.00 petang sa-hingga 9.00 malam dan di-tutup pada hari2 Jumaat. Ahad dan hari2 selepas awam. Tempat ini di-adakan untuk memberi segala kemudahan mem-

bacha kapada semua persatuan2
belia dan kebajikan di-negeri ini.

Bahan2 bacaan yang di-sedia-
kan di-Pusat Belia ini termasuklah
akhrar2 harian dan mingguan dan
buku2 yang berunsurkan belia dan
kanak2 termasuk pelajar2.

Penyelia Pusat Belia, Pg. Hj. Mohamad menyatakan bahawa dalam tahun 1973 ini langkah2 akan di-usahakan untuk menambah banyak lagi buku2 bacaan terutama sekali untuk menolong murid2 sekolah dengan menyediakan buku2 yang berchorak soal2n peperiksaan di-tahun2 sudah berserta dengan jawapan2 sekali.



Sa-lain dari bilek2 bacaan dan perpustakaan awam ini, sekolah2 di-Negeri Brunei juga mengadakan perpustakaan untuk memberi kemudahan belajar dan menambah ilmu pengetahuan kepada penun-

Di-samping usaha Kerajaan Duli Yang Maha Mulia mengadakan bilek2 bacaan dan perpustakaan, persatuan2 belia di-seluruh negeri juga boleh memainkan peranan penting untuk menggalak dan memberikan kemudahan membaca kepada orang2 kampung kerana kebanyakan bilek2 bacaan dan perpustakaan terletak di-kawasan bandar. Perkhidmatan perpustakaan bergerak yang ada pada masa belum lagi meliputi ka-seluruh kampung di-negeri ini.

Kapada pengunjung2 bilek2 bacaan dan perpustakaan hendaknya tempat2 ini tidak digunakan untuk berbual, bergurau atau membuat bising. Perubahan memotong halaman2 tertentu dari buku2 atau surat2 khabar yang terdapat di bilek2 bacaan dan perpustakaan haruslah di-elakkan. Begitu juga kepada pelajar2 kita berharap tempat2 ini tidak di-jadikan sa-bagai "sarang" untuk lari dari sekolah.

Sa-moga dengan usaha2 yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ini akan memberikan manafaat kepada rakyat dan penduduk Negeri Brunei. Kemudahan2 yang terdapat di-tempat2 membaca ini hendak-nya di-gunakan dengan sa-baik-2-nya untuk menimba ilmu pengetahuan guna membentuk fikiran yang sehat untuk membangun bangsa dan negara kita. Selamat membaca!

"Reading is to the mind what exercise is to the body".
— Richard Steele (1672–1729).



Selain dari bilek2 bacaan dan perpustakaan yang di-kelolakan oleh JPP dan DBP, beberapa buah sekolah di-negeri ini juga mengadakan perpustakaan-nya sendiri untuk memudahkan belajar dan menambah ilmu pengetahuan penuntut2. Gambar bawah menunjukkan penuntut2 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mengisi masa lapang mereka dengan membaca majalah2 yang di-sediakan dalam perpustakaan maktab tersebut.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Mengurus rumah persinggahan temburing

KERAJAAN sedang menawarkan kepada pemborong2 bagi mengurus rumah persinggahan di Pekan Bangar, Temburong untuk sa-lama dua tahun.

Tawaran akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada hari Khamis 1hb. Februari, 1973.

Rumah persinggahan itu mempunyai alat2 memasak, pinggan2, peti sejuk, meja2 dan kerusi2 makan dan lain2-nya.

Pemborong yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kebenaran berniaga yang telah di-perolehi itu, kepada orang lain. Walau bagaimanapun dia ada-lah di-kehendaki mengaji sa-kurang2-nya sa-orang pembantu. Dia dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki tinggal di-rumah persinggahan itu.

Pemborong yang berjaya ada-lah di-kehendaki menyediakan minimum2 rangan dan barang2 masakan kepada pegawai2 kerajaan, yang terdiri dari berbagai bangsa. Minuman2 keras boleh-lah di-adakan tertalok kepada kebenaran yang di-perolehi daripada Lembaga Melesen Minuman2 Keras, Brunei.

Harga barang2 makanan dan minuman2 ada-lah mengikut persetujuan antara pemborong dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya akan di-kehendaki menanda-tangani satu perjanjian untuk tidak boleh daripada dua tahun dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya dan pembantu-nya di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan, sa-belum di-benarkan memulakan perniagaan.

Tawaran2 di-masukkan dalam sampul surat yang tertutup. Di-luar sampul surat itu hendak-lah ditulis 'Catering of the Government Rest House in Bangar' dengan tidak menyatakan nama pengirim-nya. Tawaran2 itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei, Bandar Seri Begawan.

Tawaran yang salah alamat tidak akan di-layan.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau pun sebarang tawaran.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK (RADIO)

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sebuah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Umor:

Sekurang2-nya 35 tahun.

Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Sebarang Laut atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fisik. Pemohon2 hendak-lah

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari-

berumur di-antara 18 dan 25 tahun pada 1hb. Januari, 1973.

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara perchubaaan dan ada-lah di-kehendaki lulus dalam peperiksaan2 yang mana mereka akan di-beri latehan. Pembantu2 Pengawal Lalu-Lintas Udara yang tamat serta lulus dalam latehan, mereka mempunyai peluang yang baik untuk di-naikkan pangkat ka-peringkat Pegawai Lalu-Lintas Udara.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — \$410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Januari, 1973.

Sa-bagai Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah ber-

umur di-antara 16 hingga 21 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan IV atau yang sebanding dengan-nya termasuk lulus dalam matapelajaran2 Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Fiziks atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2

pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Mereka yang telah dahulu memohon jawatan ini tidak perlu memohon lagi.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Tukang Chachar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Chachar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-nya Tingkatan I Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai tukang chungkil boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4 — \$200x5-240/EB/245x5-260.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

— \$230x10-290x15-380.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 1hb. Februari, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/10/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salat bin Jamudin, Kampong Salangan, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamudin bin Akop yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/3/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Low Jon San, Kampong Batu Apoi, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Law Ah Lock yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Ban-

dar sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/11/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lumat bte. Kalali, Kampong Belais, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Amat bin Kusni yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/126/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nuor binte Haji Tuah, Kampong Tungku Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Tuah bte. Kula yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/127/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Nuor bin Haji Tuah, Kampong Tungku Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Aman bin Tuah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/128/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Abdullah, Kg. Burong Pingai Ayer, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yahya bin Abdulah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/129/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Ismail (Asrol), No. 93, Kampong Delima Satu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Maimunah bte. Hussain yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri

Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/130/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tuah bte. Mawang, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamis bin Ahad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/2/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Aishah bte. Tanjong, No. 1, Kg. Pengkalau Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sawal bin Puasa yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 hari-bulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

MD. ALI BIN DAUD,

Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

Jawatan kosong sa-bagai Imam

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.
- IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kelayakan bila2 masa di-kehendaki.

- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara kelihatan sedang mengucapkan tahniah kepada salah sa-orang pegawai kadet Polis Diraja Brunei yang telah tamat latehan.

BARISAN TAMAT LATEHAN LIMA ORANG PEGAWAI KADET

JALAN MUARA. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah memereksa dan membalas tabek kehormatan dalam satu upacara perbarisan tamat latehan bagi lima orang pegawai kadet dari pasukan Polis Diraja Brunei yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Polis, Jalan Muara pada hari Sabtu lepas.

Dalam ucapan-nya di-upacara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara telah mengingatkan betapa penting-nya peranan dan tanggung-jawab pasukan polis dalam menegakkan keamanan dan keharmonian di-dalam negeri ini.

Yang Amat Mulia itu juga telah menyeru pegawai2 kadet yang tamat latehan itu supaya memberikan perkhidmatan mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan orang ramai dan berharap supaya mereka akan menjalankan tanggung-jawab mereka dengan ikhlas dan jujur.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pegawai2 kadet itu atas kejayaan yang mereka capai dan berharap supaya mereka akan berjaya dalam tugas2 baru mereka.

Lima orang pegawai kadet yang telah tamat latehan itu ialah Awang Zaidin bin Awang, Pengiran Salim bin Pengiran Wahid, Mohammad Ali bin Omar, Jaffar bin Abdul Majid dan Ahmad bin Sha'ari.

Mereka itu ada-lah pegawai polis yang pertama tamat latehan sa-telah menjalani latehan sa-penohnya di-Brunei.

Mereka telah mengikuti satu kursus lengkap dalam undang2 dan semua aspek tugas2 polis selama 32 minggu.

Menyiruri Perchubahan itu akan di-tugaskan di-beberapa buah balai polis untuk mendapatkan pengalaman praktikal.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menerima cek tersebut dari Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman. Sedang memerhati ditengah2 ia-lah Timbalan Pengetua maktab tersebut, Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad.

BARISAN TAMAT LATEHAN BAGI REKRUT2 AMDB

BERAKAS. — Satu upacara perbarisan tamat latehan bagi 71 orang rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu 20hb. Januari mulai jam 7.30 pagi.

Rekrut2 itu terdiri dari dua Platoon dari pengambilan ke-27 Askar Melayu Diraja Brunei dalam bulan September tahun lalu.

Perbarisan Tamat Latehan itu akan di-perentahkan oleh Lt. Hashim bin Haji Zainal Abridin dan Pemcharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-bawah arahan Capt. F. Morgan yang akan menyumbangkan permainan-nya di-upacara itu.

Turut juga menyertai rekrut itu nanti ia-lah Pasokan Panji2 Kolonel-in-Chief Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Di-upacara itu empat orang rekrut akan menerima hadiah2 mereka. dua orang akan menerima hadiah sa-bagai rekrut terbaik dalam menembak, sa-orang akan menerima hadiah rekrut terbaik bahagian latehan jasmani dan sa-orang lagi akan menerima hadiah sa-bagai rekrut terbaik dalam pasukan itu.

Upacara itu terbuka kepada orang ramai terutama sekali kepada keluarga rekrut2 itu.

Dua buah bas Askar Melayu Diraja Brunei akan berada di-Dewan Kemasharakatan Bandar Seri Begawan antara jam 6.30 hingga 7.00 pagi pada hari tersebut bagi membawa orang ramai yang ingin menyaksikan perbarisan itu.

Semua keluarga rekrut2 itu akan di-beri jamuan ringan di-Perkhemahan Bolkliah sa-lepas upacara perbarisan itu.

Pertukaran guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah mengatorkan pertukaran sa-ramai 41 orang guru2 ka-skolah2 Rendah. Menengah dan Maktab2 di-seluruh negeri ini mulai awal bulan ini.

Mereka di-tugaskan mengajar Bahasa Melayu, Sastera dan Lukisan.

Sementara itu, sa-ramai 61 orang guru2 besar, penolong guru2 besar dan guru2 biasa akan bertukar mulai awal bulan Februari depan.

M.M.P.S.B.S menderma \$1,000 untuk Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman dan timbalan-nya Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad telah menyampaikan sa-keping cek bernilai \$1,000.00 kepada Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Kerja Tabong Pembinaan Stadium Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri di-Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Awang Abdul Jalil menyatakan bahawa wang tersebut ada-lah hasil dari usaha guru2, kaki-tangan2 dan penuntut2 Maktab itu semasa menjalankan kempen kebersihan yang di-adakan baru2 ini di-kawasan maktab tersebut.

Awang Abdul Jalil juga menerangkan bahawa derma tersebut ada-lah sa-bagai langkah yang pertama di-usahakan oleh maktab itu.

Beliau berkata bahawa usaha2 juga yang akan di-jalankan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja ketika menerima derma tersebut telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh atas usaha2 yang di-buat oleh guru2, kakitangan2 dan penuntut2 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan itu.

Beliau berkata bahawa usaha yang di-buat oleh guru2, kakitangan2 dan penuntut2 itu ada-lah menunjukkan satu bukti yang mereka memberikan kerjasama bagi menjayakan rancangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi membina sa-buah stadium di-negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menerangkan semangat itu ada-lah menunjukkan bahawa mereka mempunyai perasaan bertanggung-jawab, lebe2 lagi sumbangan mereka untuk membiayai projek yang berkebaikan ini dengan usaha yang menggunakan tenaga ada-lah lebe2 tinggi nilai-nya.

Beliau juga menerangkan bahawa semangat chintakan Sultan dan menjunjung titah itu memang di-waritih oleh orang2 Brunei sejak zaman datuk nenek yang turun

temurun.

Akhir-nya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja telah menyeru kepada sekolah2 yang lain di-negeri ini akan mengikut langkah yang di-tunjukkan oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan itu, terutama sekali kepada penuntut2 yang remaja yang akan menjadi pemimpin kepada di-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja juga telah menerima sa-keping cek bernilai \$1,000.00 dari Persatuan Peniaga2 Gula pada hari Sabtu lepas.

Cek tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Ong Keh Beng dan di-saksikan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Awang Lim Ching Choo.



Cheramah di-Maktab Perguruan esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri akan menyampaikan cheramah kepada penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanall Bolkliah, Gadong di-dewan maktab itu pada 18hb. Januari ini jam 10.00 pagi.

Yang Berhormat itu akan mem-

berikan cheramah bertajok peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam perkembangan Pelajaran di-Brunei.

Dalam cheramah itu beliau akan menyentuh beberapa perkara mengenai tugas2 Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada hubungan-nya dengan orang ramai terutama sekali penuntut2 di-negeri ini.